

Teks Ucapan

PROF. DATUK DR. MOHD HARUN BIN ABDULLAH
Naib Canselor
Universiti Malaysia Sabah

**Sempena Simposium Psikologi Dan Kesihatan Sosial
2017**

**17 Mei 2017 | 12.00 tengah hari
Bilik Seminar 5, Blok Psikologi,
Fakulti Psikologi & Pendidikan**

***Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
Negaraku Malaysia.***

Salutasi

(Urusetia akan sediakan)

Syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya, "Simposium Psikologi dan Kesihatan Sosial" yang julung kali dianjurkan oleh Unit Penyelidikan Psikologi dan Kesihatan Sosial (UPPKS), Universiti Malaysia Sabah telah berjaya dilaksanakan pada hari ini.

Saya melihat Unit Penyelidikan Psikologi dan Kesihatan Sosial dan ahlinya adalah satu pasukan yang aktif dan komited terhadap hasrat universiti kerana dapat menganjurkan program-program besar seumpama ini. Penubuhan unit ini seawal tahun 1997 adalah hampir seusia dengan kewujudan Universiti Malaysia Sabah. Maka, dalam usia unit ini yang semakin matang, sewajarnyalah mampu bersaing dengan unit-unit lain di Fakulti Psikologi dan Pendidikan khasnya dan UMS secara amnya.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

Saya dimaklumkan, unit ini banyak menganjurkan seminar dan persidangan seperti Persidangan Antarabangsa *Asean Association of Social Psychology* (2007), *Southeast Asia Psychology Conference* (2009 dan 2012), Seminar Psikologi Kebangsaan (2016) dan pada kali ini sekali lagi menambah koleksi anjuran, iaitu Simposium Psikologi dan Kesihatan Sosial peringkat kebangsaan yang julung kali diadakan.

Tema simposium, iaitu "Psikologi dan Kesejahteraan Insan" adalah tema yang sangat bersesuaian dengan keperluan semasa yang dapat memanfaatkan masyarakat dan rakyat negeri ini. Dalam konteks ini, psikologi memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk kesejahteraan insan kerana bidang ini mengkhusus kepada penerokaan ilmu pengetahuan dan ilmu terapan berkaitan perilaku dan fungsi mental manusia secara ilmiah.

Pemahaman terhadap tingkah laku dan fungsi mental seseorang sangat penting untuk mewujudkan kesejahteraan sama ada pada peringkat individu ataupun masyarakat secara umumnya.

Selain itu, penganjuran simposium seumpama ini akan menambah lagi koleksi-koleksi ilmiah universiti sebagai panduan umum kepada pelajar, masyarakat, rakyat dan menjadi harta intelek bagi Universiti Malaysia Sabah nanti.

Simposium ini boleh dijadikan sebagai satu wadah kepada penerbitan-penerbitan jurnal akademik terutamanya yang berkaitan dengan Jurnal Psikologi dan Kesihatan Sosial. Kertas kerja yang berkualiti akan diplilih, dimurni dan diwasitkan seterusnya dijadikan sebagai bahan penerbitan para pensyarah, yang dengan ini akan mengangkat kualiti akademik pensyarah itu sendiri.

Manakala peserta simposium dalam kalangan pelajar pascasiswazah akan dapat memenuhi syarat pengijazahan sarjana atau doktor falsafah melalui pembentangan dan penerbitan artikel dalam simposium ini nanti.

Saya ingin berkongsi sedikit tentang Skor Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia (IKK) 2016. Dimaklumkan bahawa, Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia masih berada pada tahap sederhana dengan mencatatkan nilai skor 7.33 daripada skala terbaik atau maksimum iaitu skor 10. Skala pada tahap sederhana ini masih memerlukan usaha keluarga-keluarga di Malaysia bagi mengekalkan atau meningkatkan skor tersebut agar menjadi lebih baik jika ingin mewujudkan masyarakat yang aman, harmoni dan sejahtera.

Justeru, saya berharap simposium ini mampu menjadi titik-tolak membina idea bagi mengangkat hasil kajian dengan bukti-bukti yang boleh dipercayai serta diangkat menjadi wadah pembentukan kesejahteraan insan bagi negeri Sabah dan negara Malaysia pada masa hadapan.

Hadirlin Hadirat yang saya hormati,

Pada kesempatan ini, sekali lagi sekalung tahniah saya ucapkan kepada UPPKS dan Fakulti Psikologi dan Pendidikan atas kejayaan penganjuran simposium kali ini.

Kepada para peserta dan juga pembentang, syukurilah atas manfaat yang diperoleh daripada simposium ini. Semoga anda dapat mengimplementasi ilmu tersebut bukan sahaja kepada diri sendiri, bahkan kepada keluarga dan masyarakat di sekeliling anda. Percayalah... "Ilmu yang bermanfaat bukan kerana bilangannya banyak tetapi kepada berapa banyak daripada ilmu yang sedikit itu dimanfaatkan". Sesungguhnya, ilmu itu adalah jariah dunia yang anda tinggalkan untuk bekalan di akhirat nanti.

Dengan kalimat itu, saya akhiri dan rasmikan Simposium Psikologi dan Kesihatan Sosial kali pertama bagi tahun 2017.

***Sekian, wabilaahitaufiq walhidayah,
walasaamulaikum warrah matullah hiwah
barakatuh.***